

## **VERSI BAHASA MELAYU**

### **PERJALINAN AKADEMIA-INDUSTRI ISN-TAR UMT**

Setapak, 6 Mac 2024 – *Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology* (TAR UMT) telah memgadakan sambutan Hari *InnoGratitude*. Dalam majlis tersebut pihak TAR UMT menyampaikan penghargaan ikhlas kepada Institut Sukan Negara (ISN) sebagai sokongan sebuah rakan industri. Kerjasama ini melonjakkan peranan penting ISN dalam memangkin pembangunan pendidikan dan memupuk kolaborasi penyelidikan.

Memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh ISN dengan TAR UMT pada 22 Julai 2022 menunjukkan kepentingan yang diberikan oleh ISN kepada rakan kolaborasi dengan institusi akademik. Kedudukan ISN sebagai peneraju kebangsaan institusi sukan prestasi tinggi diangkat melalui komitmen ISN kepada penyelidikan dan inovasi bertaraf dunia. Melalui hubungan akademik dan industri ini, ISN memupuk ekosistem di mana pengetahuan teori diperhalusi, diuji dan diterjemah kepada pengaplikasian yang praktikal.

Di samping itu, TAR UMT juga merupakan pengajur bersama ISN *High Performance Sports Colloquium* (HPSC), di mana hubungan ini mempermudahkan pertukaran ilmu dan peluang jalinan kerjasama di kalangan industri sukan. Jalinan ini telah menjangkau pengajuran program dan merangkumi kolaborasi penyelidikan yang memperkuuhkan kemampuan kedua-dua institusi dalam memajukan sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan. Program latihan industri ISN juga memberikan pendedahan kepada industri dan pengalaman praktikal yang bernilai kepada pelajar TAR UMT, di samping ISN dapat meraih perspektif yang berbeza dan idea yang inovatif daripada kelompok pelajar ini.

Kesimpulannya, jalinan hubungan ISN dan TAR UMT yang diraikan pada sambutan Hari *InnoGratitude* melambangkan kerjasama yang diperkuuhkan melalui MoU, pengajuran bersama HSPC, kolaborasi penyelidikan dan program latihan industri, akhirnya memacu kemajuan dalam sains sukan dan pendidikan.